



## SIARAN MEDIA

### RM 7.15 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI PENGOPERASIAN 143 PAWE

**SEPANG, 27 Mac** - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Pengoperasian Tahunan dan Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) baharu Zon Tengah Tahun 2021. Dalam majlis ini, YB Datuk Seri Rina telah menyampaikan peruntukan Kerajaan sebanyak **RM 7.15 juta** sebagai bukti komitmen dan keprihatinan Kerajaan khususnya dalam menambahbaik perkhidmatan kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Datuk Seri Rina semasa ucapannya berkata “Kerajaan telah menaikkan bantuan kewangan tahunan pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) daripada RM33,330 kepada RM50,000. Peningkatan peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti PAWE serta kenaikan elaun sukarelawan, penyelia dan pembantu penyelia.

Tambah beliau lagi, sebanyak **RM850,000.00** telah disumbangkan bagi pengoperasian 17 buah PAWE di negeri Selangor, **RM550,000.00** kepada 11 PAWE di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan sebanyak **RM300,000.00** kepada 6 buah PAWE Negeri Sembilan. Selain daripada itu, Kementerian juga telah meluluskan penubuhan PAWE baharu di Negeri Selangor dengan memperuntukkan sejumlah **RM100,000.00** bagi Bantuan Kewangan Penubuhan PAWE baharu di Tanjung Karang.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 143 buah PAWE yang meliputi 131 kawasan Parlimen telah ditubuhkan dan beroperasi dengan keahlian berdaftar seramai 47,627 orang.

Kerajaan kini juga dalam proses menggubal draf Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk warga emas bagi tujuan memperkukuhkan perundangan sedia ada. Melalui Belanjawan 2021, kerajaan telah menaikkan kadar Bantuan Kebajikan Warga Emas (Bantuan Orang Tua) daripada RM350.00 kepada RM500.00 sebulan. Kenaikan ini turut memberi manfaat kepada **10,499** penerima di negeri Selangor, **8,970** di Negeri Sembilan dan **2,967** di WPKL.

Kementerian komited untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas dari aspek ekonomi, kewangan, kesihatan, persekitaran, dan persediaan minda. KPWKM berharap fungsi PAWE menjadi lebih unggul dan berperanan sebagai pusat komuniti setempat yang dapat memberi manfaat, menyumbangkan kepakaran kepada komuniti serta memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

###

Disediakan oleh	<b>Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)</b>
No.Telefon	03-8323 1773
Tarikh dikeluarkan	27 Mac 2021